



SEKOLAH MENENGAH
PENDIDIKAN KHAS
PERSEKUTUAN
PULAU PINANG



TUNAS
VOL 3 NO. 2



Nama : Kee Hup Heng
Ting : 2A



**MAJALAH
SEKOLAH
MENENGAH
PENDIDIKAN
KHAS
PERSEKUTUAN**

**1994
VOL 3 NO. 2**

FALSAFAH PENDIDIKAN KHAS

Falsafah Pendidikan Khas adalah serupa dengan Falsafah Pendidikan Negara. Perkembangan optimum seseorang individu sebagai seorang yang berkemahiran, berdikari, berhaluan, boleh merancang mengurus kehidupan sendiri serta boleh menyedari potensi sendiri sebagai seorang individu dan seorang ahli masyarakat.



INDEKS

1. LAPURAN PIBG	4
2. PERUTUSAN	6
3. PROFIL SEKOLAH	12
4. ORGANISASI PENTADBIRAN	15
5. STRUKTUR KURRIKULUM DAN KO-KURIKULUM	23
6. LAPORAN PERKEMBANGAN KELAB DAN PERSATUAN	28
7. DARI LENSA SMPK	59
8. SUMBANGSIH PELAJAR	62
9. FOKUS: GURU SMPK	75
10. PROFIL TINGKATAN	76
11. AKTIVITI SANA SINI	85
12. KENANGAN DAHULU DAN SEKARANG	90
13. PENGHARGAAN	98
14. AUTOGRAPH	99
15. PERMOHONAN MASUK KE SEKOLAH	100

LAPORAN BAGI MAJALAH SEKOLAH

Persatuan Ibubapa dan Guru-Guru SMPKPP Sesi 1994/1995

Jawatankuasa PIBG Sesi 1994/1995 dengan kerjasama daripada para guru-guru dan kakitangan sekolah telah menjayakan satu projek 'Majlis Makan Malam Amal' yang diadakan pada 22hb. Oktober 1994 di padang sekolah kami.

Objektif majlis ini ialah untuk mengutip wang untuk mengisikan Tabung PIBG untuk:-

- i) meningkatkan dan memenuhi keperluan dan kemudahan asrama sekolah.
- ii) menambah dan mengemaskini Pusat Sumber Sekolah yang merangkumi alat pandang dengar, buku/referensi dan perpustakaan dan perisikan komputer.
- iii) meningkatkan kemudahan bilik audiologi.
- iv) meningkatkan kebajikan pelajar-pelajar cacat pendengaran.

Pihak jawatankuasa PIBG Sesi 1994/1995 mengambil kesempatan dalam majalah sekolah ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada para dermawan-dermawan, guru-guru dan kakitangan-kakitangan sekolah atas segala bantuan dan derma yang diberi dengan semangat bersukarela dan berbesarhati dalam projek kami tahun ini.

Terima kasih.

JAWATANKUASA PIBG SESI 1994/1995

Sekolah Menengah Pendidikan Khas, Pulau Pinang.

Penasihat	:	Puan Wong Song Kuong	(Pengetua Sekolah)
Pengerusi	:	Encik Mohd. Farook Shaik Mohaidin	(Bapa)
Naib Pengerusi	:	Encik Aziz b. Hashim	(Guru)
Setiausaha	:	Cik Ho Wai Mun	(Guru)
Bendahari	:	Puan Ong Mun Wah	(Guru)
AJK	:	Encik Wan Mohd. Suib Nor Encik Lee Ban Seong Encik Lee Pun Peong Puan Teh Cheng Hiang Encik Ng Choong Guan Puan Gee Eng Fong Puan Paziah bt Abdul Wahab Encik Mohd. Shaik Hamzah	(Bapa) (Bapa) (Bapa) (Ibu) (Guru) (Guru) (Guru) (Guru)
Juruaudit	:	Encik Shaifullah Abdullah Puan Ooi Ken Ken	(Guru) (Ibu)



Ho Wai Mun



Majlis Makan Malam Amal Anjuran PIBG 1993/94



KATA-KATA ALUAN


Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, dan selamat sejahtera.

Tahniah diucapkan kepada Sekolah Menengah Pendidikan Khas Persekutuan kerana telah berjaya menerbitkan majalah sekolahnya yang ketiga. Majalah sekolah adalah merupakan sumber terpenting sebagai rujukan maklumat di samping menyediakan ruang kepada para pelajar untuk mengasah bakat di bidang penulisan kreatif.

Ilmu pengetahuan adalah amat penting dalam kehidupan kita. Tanpa pengetahuan seseorang itu akan senang dipengaruhi oleh unsur negatif. Oleh itu saya mengambil peluang ini menasihati semua pelajar supaya bersikap positif dalam usaha menimba ilmu pengetahuan semasa masih di bangku sekolah.

Kecemerlangan seseorang pelajar bukan sahaja dinilai daripada ilmu pengetahuan yang dimilikinya tetapi juga daripada keluhuran budi pekerti, mempunyai nilai-nilai hidup yang murni, bertanggungjawab dan sebagainya. Saya amat berharap pelajar-pelajar akan dapat memanfaatkan masa persekolahan yang amat berharga ini bagi menjamin kejayaan pada masa hadapan.

Saya sudah dengan mengucapkan Selamat Maju Jaya kepada pelajar-pelajar dan juga guru-guru Sekolah Menengah Pendidikan Khas Persekutuan.



HAJI MOHD. ISMAIL BIN OTMAN
Pengarah Pendidikan, Pulau Pinang.



KATA-KATA ALUAN

Saya mengucapkan tahniah kepada Sekolah Menengah Pendidikan Khas Persekutuan Pulau Pinang di atas kejayaannya mengeluarkan Majalah Sekolah bagi kali yang ketiga.

Saya mengetahui bagaimana susahnya hendak mengeluarkan Majalah untuk sekolah biasa. Bagi Sekolah Pendidikan Khas kerja-kerjanya adalah melipat ganda lagi!.

Majalah Sekolah boleh disifatkan sebagai lidah sekolah dan ibu bapa serta penyokong-penysokong Sekolah akan mendapat suatu gambaran berkenaan dengan aktiviti-aktiviti Sekolah daripada membacanya.

Saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua penyokong Sekolah di atas bantuan moral dan material yang telah diberikan kepada Sekolah.

Syabas kepada Pengetua serta Guru-guru sekelian di atas usaha gigih mereka.

Kuala Lumpur
21 Februari, 1995

TAN SRI KHIR JOHARI
Pengetua
Lembaga Pengelola



KATA-KATA ALUAN

Saya bersyukur kehadrat Allah Subhanahu-Wataala di atas limpah kurnia dan perkenanNya. Sekolah Menengah Pendidikan Khas Persekutuan telah berjaya menerbitkan Majalah Sekolah yang ketiga. Kepada pihak sekolah saya ingin merakamkan ucapan syabas dan tahniah kerana telah bekerja dengan kuat dan tekun untuk menghasilkan sebuah majalah yang besar ertiaya kepada ibubapa serta waris kanak-kanak khas dan masyarakat keseluruhannya.

Penerbitan Majalah Sekolah adalah satu usaha yang sangat baik kerana di samping mempaparkan aktiviti-aktiviti sekolah ia juga memuatkan laporan-laporan kemajuan sekolah. Dengan adanya Majalah ini akan memberi kesedaran kepada masyarakat umum betapa perlunya pendidikan kanak-kanak khas dan bagaimana pendidikan khas dijalankan.

Bimbingan yang diberi secara ikhlas akan melahirkan insan yang intelek, seimbang lagi harmonis.

Disudahi dengan ucapan terima kasih kepada sidang pengarang kerana memberi ruang kepada saya untuk menurunkan sepatah dua kata dalam majalah yang permai ini.

Sekian. Terima kasih.

IDRIS BIN AHMAD
Penyelia Sekolah-Sekolah Khas
Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang.



KATA-KATA ALUAN

Assalamualaikum warahmatullahi, wabarakatuh dan selamat sejahtera.

Pendidikan bagi kanak-kanak dengan Keperluan Pendidikan Khas memberi peluang kepada kanak-kanak istimewa berdikari dan memperkembangkan kemahiran intelek, afektif dan saikomotor secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan individu yang terpelajar dan seimbang dalam masyarakat.

Bagi memenuhi pengisian wawasan pendidikan: Pendidikan untuk semua, semua lapisan masyarakat perlu bekerjasama dan mengamalkan sikap penyayang. Kanak-kanak istimewa perlu diberi peluang yang sama dalam pendidikan.

Saya mengucapkan syabas kepada Sekolah Menengah Pendidikan Khas Pulau Pinang kerana berjaya menghasilkan majalah ini.

Semoga usaha yang murni ini akan dapat ditingkatkan lagi.

Sekian, terima kasih.

DATIN HAJAH KAMARIAH BTE JALIL
Ketua Penolong Pengarah (Pendidikan Khas)
Bahagian Sekolah
Kementerian Pendidikan Malaysia



KATA-KATA ALUAN

Assalamualaikum. Saya berasa amat berbesar hat kerana diberi peluang untuk memberi satu dua patah kata-kata aluan bersempena pengeluaran majalah Sekolah Menengah Pendidikan Khas, Persekutuan, Pulau Pinang yang ketiga ini.

Saya juga ingin merakamkan penghargaan saya kepada jawatankuasa majalah sekolah atas usaha mereka bagi menyiapkan dan menjayakan pengeluaran majalah ini.

Harapan saya semoga dengan penerbitan majalah seperti ini, akan memberi maklumat dan informasi tentang aktiviti-aktiviti dan juga penglibatan murid-murid di sekolah ini.

Ibu bapa perlu berasa bangga dengan adanya majalah daripada hasil anak-anak mereka. Walaupun anak-anak ini kurang pendengaran, apa yang dihasilkan oleh mereka ini adalah suatu pencapaian yang sama, jikalau tidak lebih baik daripada anak-anak yang biasa.

Pihak PIBG akan bersama-sama dalam segala aktiviti anak-anak di sekolah ini.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pengetua, guru-guru, murid-murid dan juga semua pihak yang telah terlibat dalam penerbitan majalah ini.

Wasalam.

MOHD. FAROOK SHAIK MOHAIDIN
Pengerusi PIBG
Persatuan Ibu Bapa dan Guru-Guru



KATA-KATA ALUAN

Tahniah kepada sekalian Sidang Redaksi dan individu yang terlibat bagi menjayakan penerbitan "TUNAS". Ini merupakan kali ketiga Sekolah Menengah Pendidikan Khas berjaya menghasilkan majalah dwitahunan ini.

Cogan kata sekolah yang berbunyi "SABAR DAN USAHA" amat memadai dengan bidang pendidikan khas. Masyarakat sekolah mesti sentiasa sabar dan berusaha untuk melalui arus perubahan yang semakin mencabar bagi memenuhi kehendak masyarakat dan negara.

Dengan lahirnya majalah sekolah ini dapatlah dirakamkan usaha komuniti sekolah dalam pelbagai aktiviti kurikulum dan ko-kurikulum serta peristiwa sekolah yang menjadi kenangan manis di samping menjadi tapak semaihan mencungkil kreativiti pelajar. Penerbitan "TUNAS" melambangkan hasil permuaafakan semua pihak yang patut dibanggakan dan diberi sokongan oleh Seluruh Keluarga Sekolah ini. Yang penting sekali "TUNAS" membuktikan kanak-kanak pekak "BERKEBOLEHAN, BERKEBOLEHAN BERLAINAN DAN TENTU BERKEBOLEHAN TINGGI".

Usaha padu dan sehaluan antara ibu bapa, guru-guru dan pelajar-pelajar amat penting untuk menjamin perkembangan sekolah yang berterusan, bukan dari segi fizikal sahaja tetapi juga dari segi intelek untuk menghasilkan pelajar khas yang produktif dan seimbang sahsiahnya serta sanggup bekerja keras membangunkan golongan cacat pendengaran khasnya dan negara amnya.

Sekian, selamat maju jaya.

CHAN SEW LIAN
Pengetua S.M.P.K. Pulau Pinang

PROFIL SEKOLAH

PENGENALAN

Sekolah Rendah dan Menengah Pendidikan Khas, Pulau Pinang, adalah satu-satunya institusi yang memberi pendidikan kepada pelajar-pelajar cacat pendengaran. Sekolah ini memberi pendidikan di peringkat pra sekolah, di peringkat rendah dan di peringkat menengah yang beraliran akademik dan pra vokasional. Sekolah ini adalah sekolah berasrama penuh yang mengambil pelajar-pelajar cacat pendengaran lelaki dan perempuan dari seluruh negara.

Pada mulanya nama sekolah ini ialah Sekolah Kanak-Kanak Pekak Persekutuan, Pulau Pinang, tetapi telah bertukar kepada nama Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah Pendidikan Khas, Pulau Pinang, pada awal tahun 1988.

SEJARAH PENUBUHAN DAN PERKEMBANGAN

- 1952 - Satu Jawatankuasa telah ditubuhkan oleh Puan Templer apabila beliau mendapat tahu di Tanah Melayu ketika itu tiada mempunyai kemudahan dalam pendidikan kanak-kanak cacat pendengaran. Jawatankuasa ini terdiri daripada berbilang kaum dan objektifnya untuk menukuhan sebuah sekolah bagi kanak-kanak cacat pendengaran.
- 1953 - Satu Jawatankuasa Rayuan telah ditubuhkan. Beberapa sumbangan kewangan daripada pihak-pihak tertentu telah diperolehi oleh Jawatankuasa ini dan akhirnya Jawatankuasa ini telah berjaya mendapatkan sebuah bangunan - 47 Jalan Northam (Jalan Sultan Ahmad Shah) untuk dijadikan sekolah yang pertama.
- 1954 - Sekolah bagi kanak-kanak cacat pendengaran yang pertama (Sekolah Kanak-Kanak Pekak Persekutuan, Pulau Pinang) telah dibuka dengan rasminya oleh Puan Templer dan Cik J.M. Hicks telah dilantik menjadi Pengetua yang pertama. Bilangan pelajar 7 orang dan bilangan guru 2 orang.
- 1959 - Bilangan pelajar telah meningkat kepada 120 orang.
- 1961 - Tindakan telah diambil oleh pihak sekolah untuk mencari satu kawasan yang sesuai untuk membina sebuah sekolah khas bagi keperluan kanak-kanak cacat pendengaran.
- 1963 - Dengan sumbangan kewangan sebanyak RM5,000,000.00 oleh pihak Lembaga Loteri Kebajikan Masyarakat, pihak sekolah telah berjaya memiliki sebidang tanah seluas 12 ekar (4.8 hektar) di Jalan Lembah Permai, Tanjung Bunga, Pulau Pinang. Tanah ini dibeli daripada Penang Realty Ltd. (Pengaruhnya ketika itu dermawan Tan Sri Loh Boon Siew) dengan harga 65 sen 1 kaki persegi. Tetapi pihak sekolah hanya membayar 50 sen kerana 15 sen lagi diberi sebagai hadiah. Jumlah harga yang dibayar adalah RM339,768.00 sahaja. Sekolah di Jalan Northam kemudian dijual dengan harga RM340,000.00.
- 1966 - Upacara membersihkan kawasan oleh Y.B. Encik Mohd. Khir Johari dimulakan.
- 1967 - Upacara meletakkan batu asas oleh Y.B. Encik Mohd. Khir Johari, Menteri Pelajaran Kerja-kerja pembinaan dimulakan setelah masalah-masalah setinggan diatasi. Sekolah sekarang telah diambil alih oleh Kerajaan dan menjadi Sekolah bantuan penuh kerajaan. Harga perbelanjaan lebih daripada RM1,200,000.00 (pemberian kerajaan dan derma orang ramai).
 - Buat sementara waktu pelajar-pelajar asrama ditempatkan di beberapa tempat hingga akhir tahun 1968.
 1. Murid-murid kecil lelaki dan perempuan di Rumah Po Leung Kok.
 2. Murid-murid perempuan besar di rumah sewa berdekatan Rumah Po Leung Kok.
 3. Murid-murid lelaki besar di Asrama Belia. (Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri).
- 1969 - Sekolah baharu di Jalan Lebah Permai, Tanjung Bunga, Pulau Pinang, bermula.
- 1970 - Sekolah baharu dibuka dengan rasminya oleh Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj. Perdana Menteri Malaysia.

- 1972 – Bilangan murid telah meningkat daripada 120 orang kepada 364 orang Kelas-kelas terpaksa dijalankan di dewan dan di mana-mana bilik atau setor yang boleh digunakan. Bilik-bilik asrama yang pada mulanya dibina untuk menempatkan 25 orang murid-murid di sebuah bilik telah ditambah menjadi 50 orang dengan mengadakan katil-katil bertingkat dua. Dengan ini pihak sekolah terpaksa membuka kelas-kelas tambahan dan bilik-bilik asrama tambahan untuk melonggarkan kesesakan dan juga memenuhi kehendak-kehendak yang semakin bertambah.
- 1973 – Sebuah blok dengan 25 bilik darjah yang memakan belanja RM120,000.00 (RM90,000.00 pemberian kerajaan dan RM30,000.00 dari derma orang ramai) dan sebuah dewan permainan yang berharga RM17,000.00 (derma orang ramai) telah dibina. Di samping itu sebuah bilik asrama baharu untuk 50 orang murid-murid dengan belanja lebih kurang RM40,000.00 (pemberian kerajaan) juga dibina.
- 1981 – Bilangan murid telah meningkat menjadi 367 orang dan kakitangan akademik 42 orang.
- 1987 – Sebuah blok vokasional telah dibina yang berharga lebih kurang RM160,000.00 (pemberian Lembaga dan derma dari UNESCO).

PELAJARAN

Dari tahun 1954 hingga tahun 1961, sekolah ini adalah sekolah rendah. Dalam tahun 1962 didapati mustahak untuk memulakan pelajaran menengah dan asas vokasional bagi pelajar-pelajar yang lebih tua.

Pada tahun 1967 bagi pertama kali sekolah telah menyediakan pelajar-pelajar untuk mengambil Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran (SRP) dan dua tahun kemudian Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Ujian Lisan dikecualikan.

Murid-murid di sekolah ini mengikuti kurikulum yang sama seperti di sekolah biasa. Di peringkat sekolah rendah murid-murid mengikuti pelajaran KBSR dan mengambil Peperiksaan UPSR dan PKBS. Di peringkat sekolah menengah pelajaran KBSM dan mengambil SRP dan SPM.

Kaedah mengajar pula, dari tahun 1954 hingga tahun 1978, kaedah yang digunakan adalah kaedah Baca Bibur (Orlism). Selepas itu kaedahnya ialah kaedah Komunikasi Seluruh (Total Communications). Iaitu gabungan antara pertuturan, baca bibir, pergerakan mata, muka, kod tangan (Bahasa Malaysia Kod Tangan), cajaan tangan dan lain-lain.

Pada tahun 1982 kelas pra sekolah dimulakan dan dibiayai oleh Lembaga Pengelola dan orang ramai. Pada tahun 1987 kelas ini diambil alih oleh pihak Kementerian Pendidikan.

Di samping pelajaran akademik, sekolah ini juga memberi pelajaran pra vokasional atau asas vokasional. Pelajar-pelajar yang mengikuti pelajaran ini adalah pelajar-pelajar yang tidak mampu mengikuti pelajaran akademik. Tujuannya ialah memberikan self-employable skills kepada mereka. Pelajaran pra vokasional atau asas vokasional ini adalah seperti berikut.

- Pertukangan Kayu**
 - Membuat Bot
 - Membuat Perabot
 - Lukisan Teknik
- Sains Pertanian**
 - Ternakan haiwan (lembu, kambing, ayam, lain-lain)
 - Hortikultur
 - Tanaman
- Seni Lukis**
 - Lukisan Cermin
 - Batik
 - Grafik
 - Seni Tembikar
- Kerja Batu Bata**

5. Jahitan
 - (a) Membuat baju
 - (b) Crochet
 - (c) Membuat soft-toys
6. Masakan

PELAJAR-PELAJAR

Pelajar-pelajar datang dari seluruh Malaysia. Pelajar-pelajar dari Malaysia Timur balik ke rumah hanya pada hujung tahun. Semasa pelajar-pelajar berada di sekolah mereka di bawah jagaan Penyelia Pengasuh Pelajar (kakitangan bukan akademik).

Pelajar-pelajar di sekolah ini ada dua jenis. Pelajar-pelajar harian (yang berulangalik ke sekolah tiap-tiap hari) dan pelajar-pelajar asrama, (yang tinggal di asrama). Kebanyakan pelajar-pelajar di sekolah ini adalah pelajar-pelajar asrama.

PENTADBIRAN

Sebelum Mac 1987 sekolah ini di bawah satu pentadbiran. Selepas Mac 1987 di bawah dua pentadbiran. Sekolah Rendah di bawah pentadbiran Guru Besar dan sekolah menengah di bawah pentadbiran Pengetua.

Sekolah Rendah:

1. Pra Sekolah.
2. Darjah 1 hingga Darjah 6.

Sekolah Menengah:

1. Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5.
2. Kelas Kemahiran Vokasional.

PENEMPATAN PEKERJAAN


Tidak ada pegawai khas untuk mengelolakan penempatan pekerjaan bagi bekas pelajar-pelajar sekolah ini. Tetapi pada masa ini ada beberapa orang guru yang bertanggungjawab secara sukarela untuk mencari pekerjaan bagi pelajar-pelajar yang telah tamat persekolah mereka.

PELUANG UNTUK MELANJUTKAN PELAJARAN

Peluang untuk pelajar-pelajar melanjutkan pelajaran hingga ke peringkat tinggi juga terbuka, kerana sudah ada beberapa orang pelajar-pelajar yang telah melanjutkan pelajaran hingga ke peringkat universiti dan telah lulus dengan cemerlangnya.

MATLAMAT

Pihak sekolah cuba hendak menjadikan tiap-tiap pelajar di sekolah ini seorang yang berpendidikan, berpelajaran walaupun mereka cacat supaya mereka dapat menyesuaikan diri dalam masyarakat dan dapat menyumbangkan tenaga mereka kepada negara dan bangsa.



ORGANISASI SEKOLAH

**LEMBAGA PENGETAHUAN SEKOLAH 1993/1994
SEKOLAH RENDAH/MENENGAH PENDIDIKAN KHAS PERSEKUTUAN
PULAU PINANG**

**PENGERUSI
TAN SRI MOHD. KHIR JOHARI (PMN)**

**BENDAHARI KEHORMAT
ENCIK TAN BENG TEIK (AMN)**

AHLI-AHLI JAWATANKUASA
DATIN DR. ELEANOR TAN NEE EU GAIK CHOO
TUAN HAJI ABDUL KARIM KHAN (AMN, PJK)
DATUK LEE SAIK KEE (DSPN, PJK)
DR. SANTOKH SINGH (PJK, JP)
DATIN ZUBAIDAH ARIFF (AMN, DJN, PKT, PJK)
HAJAH SALEENA YAHAYA ISA (AMN, PKT, PJM)
ENCIK KHOO POH KOK
ENCIK INAN EDIN NOM
ENCIK MOHD. FAROOK SHAIK MOHAIDIN
TUAN HAJI OMAR BIN AHMAD

SETIAUSAHA
PUAN WONG SONG KUONG (PENGETUA SEK. MEN.)

**PENGETUA-PENGETUA
SEKOLAH PENDIDIKAN KHAS PERSEKUTUAN
(FEDERATION SCHOOL FOR THE DEAF)**



PUAN J.M. SUNDRAM
1951 – 1961



PUAN SALEENA YAHAYA ISA
1961 – 1987




ENCIK FRANCIS CHAI
1987 — 1990



PUAN CHAN SEW LIAN
1990 —

KARTA POSTAL SEKOLAH RENDAH PENDIDIKAN KHAS,
PULAU PINANG.



Duduk barisan hadapan dari kiri:
Karen, Sophie, Cik Ho Swee Yaw, Cik Loo Hack Huang, En. Aziz Kean Heng, En. Wong Pek Seng, Pn. Chan Sow Lian, Pn. Tjoeng Pa Chin, Cik Ng Su Har, Pn. Ong Mun Wah, Cik Teh Bee Keow, Pn. Gee Eng Fong, Pn. Teoh Hong Kew, Cik Gouin Seetharaman.

Berdiri barisan tengah dari kiri:
Encik Lian Chee Boon, En. Ng Choon Guan, En. Nor Azam b. Ismail, En. Kok Suan Choong, En. Michael Choong Eng Hock, En. Lim Bee Sim, En. Teh Kuan Hoe, Cik Samsoon Ali, Pn. Lam Nurulaini, Pn. Siti Wahidah, Pn. Puspita bt. Abdul Wahab, En. Sharifah b. Abdullah, En. Koay Swee Beng, En. Yusof b. Arshad.

Berdiri barisan belakang dari kiri:
En. Kasnan Parja, En. Thevakanum Selathurai, En. Tan Cheng Lim, En. Tan Eng Hong, En. M. Said @ Mohd. Shahril b. Haji Hamzah, En. Chan Kow Keish,

En. Chan Nam a/f Tan Kin.

SENARAI GURU-GURU
SEKOLAH MENENGAH PENDIDIKAN KHAS PULAU PINANG
1993/1994

Bil.	Nama	Gred
1.	Puan Chan Sew Lian	DG 3
2.	Puan Tjoeng Pit Chin	DG 3
3.	Encik Wong Pek Seng	DG 5
4.	Encik Aziz b. Hashim	DG 6
5.	Encik Cham Nan a/l Tan Kin	DG 3
6.	Puan Gee Eng Fong	DG 3
7.	Cik Ho Swee Yaw	DG 3
8.	Cik Ho Wai Mun	DG 3
9.	Cik Loo Huck Huang	DG 3
10.	Encik M. Said @ Mohd. Shaik b. Haji Hamzah	DG 3
11.	Encik Michael Choong Eng Hock	DG 3
12.	Puan Ong Mun Wah	DG 3
13.	Cik Samsoon Ali	DG 3
14.	Encik Tan Eng Hong	DG 3
15.	Encik Teh Kean Hoe	DG 3
16.	Encik Arshad b. Awang	DG 6
17.	Encik Chan Kow Kniah	DG 6
18.	Encik Koay Swee Beng	DG 6
19.	Encik Kok Sum Choong	DG 6
20.	Encik Kusnen b. Parja	DG 6
21.	Encik Lim Bee Sim	DG 6
22.	Encik Lim Chee Boon	DG 6
23.	Cik Lin Kuan Heng	DG 6
24.	Puan Looi Chooi Fong	DG 6
25.	Encik Md. Shahar b. Saad	DG 6
26.	Cik Neoh Beng Ling	DG 6
27.	Encik Ng Choong Guan	DG 6
28.	Cik Ng Su Har	DG 6
29.	Encik Nor Azam b. Ismail	DG 6
30.	Puan Paziah bt. Abdul Wahab	DG 6
31.	Encik Shaifullah b. Abdullah	DG 6
32.	Encik Tan Cheng Lim	DG 6
33.	Cik Teh Bee Keow	DG 6
34.	Puan Teoh Hong Kew	DG 6
35.	Puan Ung Siew Ngoh	DG 6
36.	Encik Yusof b. Arshad	DG 6
37.	Encik Azhan b. Abdul Halim	GSTT DA 1
38.	Cik Gouri a/p Seetharaman	GSTT DA 1
39.	Encik Thevakumar a/l Selathurai	GSTT DA 1

KAKITANGAN PEJABAT SEKOLAH



EN. IVOR BOUDVILLE
Kakitangan Lembaga Sekolah



PN. CHAN YOKE KHUAN
Pembantu Tadbir



MUZAMIL OTHMAN
Pelayan Pejabat



**MOHIDEEN GHANI B.
MUHD. HUSSAIN**
Pembantu Am Rendah

**SENARAI KAKITANGAN BUKAN GURU
SEKOLAH MENENGAH PENDIDIKAN KHAS PULAU PINANG
1993 / 1994**

Bil.	Nama	Jawatan
1.	Puan Chan Yoke Khuan	Pembantu Tadbir
2.	Encik Muzamil b. Othman	Pelayan Pejabat
3.	Encik Mohideen Ghani b. Muhd. Hussain	Pembantu Am Rendah
4.	Cik Norha bt. Abd. Ghani	Pembantu Makmal
5.	Encik Abdul Samat b. Hashim	Penyelia Asrama
6.	Puan Aidah bt. Ibrahim	Penyelia/Pengasuh Pelajar
7.	Puan Bernadette Chin Chwee In	Penyelia/Pengasuh Pelajar
8.	Encik Chung Kim Cheong	Penyelia/Pengasuh Pelajar
9.	Encik Megat Hussin b. Megat Ahmad	Penyelia/Pengasuh Pelajar
10.	Puan Siti Bedah bt. Abdullah	Penyelia/Pengasuh Pelajar
11.	Cik Ang Chuan Lin	Attendant
12.	Puan Halipah bt. Osman	Attendant
13.	Cik Khoo Teik Eng	Tukang Masak
14.	Puan Salmah bt. Md. Isa	Tukang Masak
15.	Encik S. Kumarasamy	Pekerja Am
16.	Encik Mohd. Salim b. Ismail	Pekerja Am
17.	Encik Ahmad Mustapa b. Omar	Pemandu
18.	Encik Jamil b. Abdullah	Jaga

TUGAS GURU-GURU 1993/1994

1. Lembaga Tatatertib	..	1. Puan Chan Sew Lian 2. Puan Tjoeng Pit Chin 3. Encik Wong Pek Seng 4. Encik Aziz Hashim
2. Jadual Waktu/ Jadual Waktu Ganti	..	1. Puan Tjoeng Pit Chin 2. Encik Teh Kean Hoe
3. Penyata Bulanan	..	1. Puan Tjoeng Pit Chin 2. Encik Teh Kean Hoe 3. Cik Teh Bee Keow
4. Lembaga Disiplin/ Pengawas	..	1. Encik Michael Choong Eng Hock (sehingga 30.6.1994) 1. Encik M. Said @ Mohd. Shaik (mulai 1.7.1994) 2. Cik Samsoon Ali 3. Puan Chan Sew Lian 4. Puan Tjoeng Pit Chin 5. Encik Wong Pek Seng
5. Peperiksaan Dalaman/ SPM	..	1. Cik Loo Huck Huang
6. Peperiksaan PMR	..	1. Encik Nor Azam Ismail
7. Skim Pinjaman Buku Teks	..	1. Encik Ng Choon Guan 2. Puan Ong Mun Wah
8. Biasiswa/ Sijil Berhenti Sekolah	..	1. Encik Wong Pek Seng 2. Guru Tingkatan yang berkenaan
9. Jadual Kedatangan/Murid	..	1. Encik Md. Shahar Saad
10. Bimbingan & Kaunseling Kad 001/002	..	1. Puan Teoh Hong Kew
11. Perabot/Kerosakan	..	1. Encik Tan Cheng Lim 2. Encik Chan Kow Kniah
12. J.K. Hapuskira	..	1. Encik Shaifullah Abdullah 2. Encik Ng Choon Guan
13. J.K. Penyelenggaraan	..	1. Encik Kok Sum Choong 2. Encik Shaifullah Abdullah
14. Kutipan Minit Mesyuarat Guru Laporan Penggal Pelajar	..	1. Cik Ho Swee Yaw
15. J.K. Kurikulum	..	Semua Ketua Jabatan
16. Penyelarasan Buku Stok	..	1. Encik Arshad Awang 2. Encik Yusof Arshad

17. Perhimpunan/Perbarisan Susuan Kerusi di Pentas Dewan	..	1. Encik Arshad Awang 2. Encik Nor Azam Ismail
18. Pusat Sumber		
a) Penyelaras Pusat Sumber/ Bilik APD	..	1. Cik Lin Kuan Heng
b) Perpustakaan	..	1. Puan Paziah Abdul Wahab 2. Cik Ho Wai Mun 3. Puan Ung Siew Ngoh
c) Bilik Komputer	..	1. Encik Michael Choong Eng Hock (sehingga 30.6.1994) 1. Cik Loo Huck Huang (mulai 1.7.1994)
d) Bilik Menaip	..	1. Encik Kusnen Parja
19. Alat Tulis	..	1. Encik Cham Nan a/l Tan Kin 2. Encik Azhan Abdul Halim
20. Setiausaha Sukan	..	1. Encik Kusnen Parja 2. Encik M. Said @ Mohd. Shaik
21. Buku Teks Guru/ Sukatan Pelajaran	..	1. Cik Teh Bee Keow
22. Kolam Renang	..	1. Encik Koay Swee Beng
23. J.K. Keceriaan/Sekolah	..	1. Encik Wong Pek Seng 2. Encik Lim Chee Boon (Keindahan)
24. Derma Wang	..	1. Puan Teoh Hong Kew
25. Derma Benda	..	1. Cik Ng Su Har 2. Puan Ung Siew Ngoh
26. Odit Derma Benda Jualan	..	1. Cik Ho Swee Yaw
27. Penyelaras Majallah Sekolah	..	1. Encik Lim Bee Sim 2. Encik Tan Eng Hong 3. Encik M. Said @ Mohd. Shaik 4. Cik Samsoon Ali 5. Cik Gouri a/p Seetharaman* 6. Puan Looi Chooi Fong
28. Keselamatan Api	..	1. Encik Tan Cheng Lim 2. Encik Shaifullah Abdullah 3. Encik Chan Kow Kniah
29. Sistem P.A.	..	1. Encik Kok Sum Choong
30. AJK Lencana Pelajar	..	1. Encik Lim Chee Boon 2. Encik Tan Eng Hong 3. Puan Gee Eng Fong

31. Rekod Aktiviti/Pertandingan Pencapaian Pelajar	1. Encik Aziz Hashim
32. Penyelaras Buletin PKG ..	1. Cik Ho Wai Mun 2. Cik Gouri a/p Seetharaman 3. Encik Teh Kean Hoe
33. Program Perkembangan Staf	Semua Ketua Jabatan
34. Mengiring Peserta MSSPP .. (Olahraga)	1. Puan Ong Mun Wah 2. Encik Chan Kow Kniah (Sementara)
35. Koperasi SMPK ..	1. Puan Chan Sew Lian 2. Encik Shafullah Abdullah 3. Encik Lim Chee Boon 4. Cik Teh Bee Keow 5. Encik Arshad Awang 6. Cik Lin Kuan Heng 7. Cik Samsoon Ali 8. Puan Paziah Abdul Wahab
36. Penyelaras Aktiviti Selepas PMR	1. Encik Wong Pek Seng 2. Encik Aziz Hashim
37. PIBG ..	1. Penasihat — Puan Chew Sew Lian 2. N/Pengerusi — Encik Aziz Hashim 3. Setiausaha — Cik Ho Wai Mun 4. Bendahari — Puan Ong Mun Wah 5. AJK — Puan Gee Eng Fong 6. AJK — Puan Paziah Abdul Wahab 7. AJK — Encik Ng Choon Guan 8. AJK — Encik Mohd. Shaik 9. Juruudit — Encik Shafullah Abdullah
38. Sistem Pengurusan Maklumat Sekolah ..	1. Encik Teh Kean Hoe 2. Cik Loo Huck Huang
39. J.K. Majlis Permuafakatan .. Pengisian Wawasan Pendidikan	1. Encik Wong Pek Seng 2. Encik Aziz Hashim 3. Encik Cham Nan a/l Tan Kin 4. Encik Koay Swee Beng 5. Encik Teh Kean Hoe 6. Encik Yusof Arshad 7. Cik Loo Huck Huang 8. Puan Chan Sew Lian 9. Puan Tjoeng Pit Chin
40. Kelab Sosial ..	1. Pengerusi — Encik Aziz Hashim 2. Setiausaha — Cik Samsoon Ali 3. Bendahari — Puan Gee Eng Fong 4. AJK — Encik Chan Kow Khaih 5. AJK — Puan Paziah Abdul Wahab 6. AJK — Puan Ong Mun Wah

41. J.K. Kod Tangan Bahasa Melayu 1. Puan Tjoeng Pit Chin
 2. Encik Koay Swee Beng
 3. Encik Teh Kean Hoe
 4. Encik M. Said @ Mohd. Shaik
42. Papan Kenyataan 1. Encik Lim Chee Boon
-

**SEKOLAH MENENGAH PENDIDIKAN KHAS PULAU PINANG
TANJONG BUNGAH, PULAU PINANG**

Ketua Jabatan

- | | |
|------------------------------------|---|
| 1. Bahasa Melayu | □ Encik Cham Nan a/l Tan Kin |
| 2. Bahasa Inggeris | □ Encik Koay Swee Beng |
| 3. Sains | □ Encik Tan Eng Hong |
| 4. Matematik | □ Encik Md. Shahar Saad |
| 5. Geografi | □ Encik Michael Choong Eng Hock
□ Puan Ong Mun Wah (mulai 1.7.1994) |
| 6. Sejarah | □ Encik Teh Kean Hoe |
| 7. Pendidikan Seni | □ Encik Lim Chee Boon |
| 8. Kemahiran Hidup/Vokasional | □ Encik Lim Bee Sim
□ Encik Kok Sum Choong (Batu-Bata)
□ Encik Shaifullah Abdullah (Pertukangan Kayu)
□ Cik Ng Su Har (Jahitan)
□ Puan Teoh Hong Kew (Ekonomi Rumah Tangga) |
| 9. Agama | □ Encik Yusof Arshad |
| 10. Perdagangan | □ Puan Paziah Abdul Wahab |
| 11. Pendidikan Moral | □ Encik Wong Pek Seng |
| 12. Pendidikan Jasmani & Kesihatan | □ Encik Ng Choon Guan |

SEKOLAH MENENGAH PENDIDIKAN KHAS PULAU PINANG

Senarai Tugas Untuk Aktiviti Petang 1993/1994

4.00 – 6.00 petang

ISNIN

KETUA AKTIVITI

1. Badminton
2. Bola Jaring
3. Bola Sepak
4. Bola Tampar
5. Latihan 'Athelete'
6. Menaip
7. Ping Pong/Catur
8. Renang

ENCIK LIM BEE SIM

- Cik Lin Kuan Heng
Cik Gouri a/p Seetharaman
Encik Md. Shahar Saad
Encik Ng Choon Guan
Encik Chan Kow Kniah
Encik Thevakumar a/l Selathurai
Encik Kok Sum Choong
Encik Koay Swee Beng

SELASA

KETUA AKTIVITI

1. Keselamatan Jalan Raya
2. Komputer
3. Pandu Puteri
4. PBSM
5. Pendidikan Seni/Keceriaan
6. Pengakap
7. Persatuan Islam
8. Renang

PUAN PAZIAH ABDUL WAHAB

- Encik Arshad Awang
Encik Teh Kean Hoe
Puan Ung Siew Ngoh
Cik Ho Wai Mun
Encik Lim Chee Boon
Encik Tan Cheng Lim
Encik Yusof Arshad
Cik Ng Su Har

RABU

KETUA AKTIVITI

1. Aerobik
2. ERT
3. Kebudayaan
4. Kelab Fotografi
5. Komputer
6. Menaip
7. Pertanian
8. Pertukangan Kayu

CIK HO SWEE YAW

- Puan Teoh Hong Kew
Cik Teh Bee Keow
Cik Samsoon Ali, Encik Aziz Hashim
Encik Tan Eng Hong
Puan Looi Chooi Fong
Encik Kusnen Parja
Encik Nor Azam Ismail
Encik Shaifulah Abdullah

KHAMIS

Kelas Tambahan Wajib

- a) Bahasa-Melayu Tingkatan 5
- b) Bahasa Melayu Tingkatan 4
- c) Bahasa Melayu Tingkatan 3
- d) Matematik Tingkatan 5
- e) Matematik Tingkatan 4
- f) Sains Tingkatan 5


- Encik Cham Nan a/l Tan Kin
Encik M. Said @ Mohd. Shaik
Encik Teh Kean Hoe
Puan Tjoeng Pit Chin
Puan Gee Eng Fong
Cik Loo Huck Huang

SABTU

Kebajikan Pelajar

1. Encik Aziz Hashim
2. Encik Wong Pek Seng
3. Puan Ong Mun Wah
4. Encik Azhan Abdul Halim

AKTIVITI-AKTIVITI





Duduk dari kiri barisan pertama:

Roslizi Rosli, Teh Kok Pin, En. Md. Shahar Bin Saad, Jivolis John, Zainal Ahmad.

Berdiri dari kiri barisan kedua:

Abdul Talib, Roslan Che Ros, Cham Keng, Abdul Rahman Arbi, Cheah Kean Wee, Tay Chin Peng, Rickmen Mich.

LAPORAN PERMAINAN BOLASEPAK SEKOLAH 1994

Guru Penasihat	:	En. Md. Shahar Bin Saad
Ketua Pasukan	:	Rickmen Mijeh
Barisan Pemain:		
Roslizi Rosli		Abdul Rahman Arbi
Kalithasan		Roslan Che Rose
Cham Keng		Firus Abdul Azaid
Tay Chin Peng		Rickmen Mijeh
Abdul Talib Md. Noor		Cheah Kean Wee
Charleus Edmund		Zairen Zakaria
Jivolis John		Suhari Mat Nari
M. Fauzi M. Shariff		Teh Kok Pin

Permainan bolasepak adalah satu-satunya permainan yang amat digemari oleh pelajar-pelajar sekolah ini. Didapati ramai pelajar ingin menyertai pasukan sekolah. Ini dapat dilihat semasa diadakan sesi latihan dan pemilihan. Kebanyakan pemain yang terpilih untuk pasukan sekolah tahun ini terdiri daripada mukamuka baru belaka. Latihan awal tertumpu kepada latihan kemahiran dan fizikal. Beberapa siri perlawanan persahabatan telah diadakan untuk memantapkan pasukan yang dibentuk ini yang akan menyertai Kejohanan Bolasepak MSSPP Zon Kelawai Bahaw 18 Tahun. Berikut adalah kerputusannya.

TARIKH	PERLAWANAN	KEPUTUSAN
7.1.94	SMPK lwn SMTB	2 – 3
11.1.94	SMPK lwn SMSX	2 – 2
14.1.94	SMPK lwn SMV	3 – 5
20.1.94	SMPK lwn SMZA	0 – 0

Keputusan pada tahun ini tidaklah begitu memeransangkan dengan 2 seri dan 2 kekalahan tetapi kami percaya pada tahun hadapan dengan barisan pemain yang sama kami akan dapat membuktikan sesuatu yang lebih bermakna.

(Rickmen Mijeh)
Ketua Pasukan



Duduk dari kiri barisan pertama:

Yanti, Aini Mastura, Haslina.

Duduk dari kiri barisan kedua:

Sarimah, Hasliza, Cik Gouri Seetharaman, Suheila, Tai Shuk Shin, Teoh Saw Ling.

Berdiri dari kiri barisan ketiga:

Idayu, Rajeah, Hong Chooi Tueng, Chang Shen Fung, Choo Mei Ling, Aishah, Keah Mei Chei, Shajeetha, Lee Ming Bao, Sarina, Khoo Cheah Loo, Samrah.

LAPORAN KELAB BOLA JARING

Guru Penasihat	:	Cik Gouri a/p Seetharaman
Pengerusi	:	Aini Mastura
Naib Pengerusi	:	Shajeetha
Bendahari	:	Lee Ming Bao
*Ahli Jawatankuasa	:	1) Sarina 2) Samrah 3) Idayu 4) Aishah
* Setiausaha	:	Sarimah

Pasukan Bola Jaring SMPK mempunyai 20 orang ahli bagi sesi 1993/1994. Ramai pelajar baru dari Tingkatan 1 telah menunjukkan minat untuk menyertai pasukan ini.

Latihan permainan dan kecerdasan diadakan pada hari Isnin di samping hari-hari lain jika perlu. Adalah diharapkan pemain-pemain baru dan lama akan dapat terus menunjukkan prestasi yang lebih baik demi kemajuan sukan sekolah.



Duduk dari kiri barisan pertama:

Goh Choo Keat, Khor Teng Hong, Tai Shuk Shin, En. Ng Choon Guan, Yeong Siew Kuen, Hong Chooi Tueng, Cheng Yee Heng.

Berdiri dari kiri barisan kedua:

Mah Chung How, Law Min Keong, Lee Tur Chin, Lim Mian Sheng, Chin Lian Ngiap, Teh Kok Pin, Lee Nyook Loong, Roslizi, Chiong Yih Liang, Tan Sunny, Wu Wai Loon, Foong Aun May.

BOLA TAMPAR

Masa Latihan	:	Hari Isnin (4.00-6.00 ptg.)
Bilangan Pelajar	:	16 pelajar
Guru Penasihat/Jurulatih	:	Encik Ng Choon Guan
Ketua Pasukan	:	Teh Kok Pin
Penolong Ketua Pasukan	:	Wu Wai Loon

OBJEKTIF:

1. Menyediakan satu pasukan untuk SKOP.
2. Memupuk minat di kalangan pelajar.
3. Mencungkil bakat.
4. Meningkatkan prestasi pemain dari segi kemahiran teknikal.
5. Meningkatkan tahap disiplin di kalangan pemain.

AKTIVITI:

Kelab Bola Tampar SMPKPP telah menjalankan latihan setiap hari Isnin. Latihan yang dijalankan merangkumi aspek fizikal dan teknikal. Pelajar-pelajar diberi latihan yang dirancang dengan terperinci supaya dapat meningkatkan tahap kecerdasan serta menguasai aspek-aspek teknikal permainan tersebut. Beberapa sukarelawan juga dijemput untuk bermain bersama untuk memberi tunjuk ajar dan pengalaman kepada pemain-pemain kita. Pemain-pemain kita telah menunjukkan prestasi yang menggalakkan dan Kelab Bola Tampar telah dapat mencungkil bakat-bakat baru di kalangan pelajar-pelajar Sek. Men. Pendidikan Khas.

Laporan ini disediakan oleh

(Encik Ng Choon Guan)
Guru Penasihat/Jurulatih
Kelab Bola Tampar SMPK



Duduk dari kiri barisan pertama:

Goh Choo Keat, Kee Hup Liang, Khoo Foo Seng, En. Kok Sum Choong, Ooi Hong Hooi, Ooi Pau Fei, Lee Suan Chuan.

Berdiri dari kiri barisan kedua:

Lim-ly Anne, Soh Kim Hwa, Ahmad Hafizhi, Tham Jyh Shyong, Peter Tian, Lim Teong Keat, Mah Chung How, Tan Sunny, Tan Gim Guan, Hamidah.

PERMAINAN PING-PONG

Guru Penasihat	:	En. Kok Sum Choong
Ketua	:	Ooi Hong Hooi
Penolong	:	Khoo Foo Seng

Pemain-pemain ping-pong mengadakan latihan setiap hari Isnin, pukul 4.00 petang hingga 6.00 petang.

Berbagai-bagai teknik permainan ping-pong telah diajar kepada pemain-pemain.

Satu pertandingan tertutup antara pemain-pemain telah diadakan pada 5hb. hingga 8hb. 1994.

Johan Perseorangan	:	Tay Chin Peng
Naib Johan Perseorangan	:	Suhari Bin Mat Nawi
Johan Bergu	:	Tay Chin Peng & Cheah Kean Wee
Naib Johan Bergu	:	Tan Sunny & Ooi Hong Hooi



Duduk dari kiri barisan pertama:

Wan Lai Mun, Yee Poh Lean, Cik Lin Kuan Heng, Suheila, Siti Maziah.

Berdiri dari kiri barisan kedua:

Tee Bee Hoon, Chan Bee Kuen, Phua Boon Ling, Lim Geok Choo, Lim Geok Lean, Samsiah, Halimah, Satinah.

LAPORAN KELAB BADMINTON

Guru Penasihat	:	Cik Lin Kuan Heng
Pengerusi	:	Wu Wai Loon
Setiausaha	:	Yee Poh Lean

Kelab ini telah mengadakan latihan jasmani dan kemahiran dua kali seminggu iaitu setiap hari Isnin bagi pemain-pemain perempuan dan setiap hari Khamis bagi pemain-pemain lelaki.

Pada pertandingan MSSPP bagi Kumpulan Umur 18 tahun ke bawah tahun ini, kelab kami telah menghantar beberapa pemain sekolah untuk bertanding. Walaupun pemain-pemain sekolah telah tewas dalam pusingan pertama, pemain-pemain kami telah menunjukkan persembahan yang memuaskan.

Kelab ini juga telah menganjurkan Pertandingan Badminton Tertutup SMPK pada bulan Julai. Selain daripada itu, kelab juga merancang untuk mengadakan perlawanan persahabatan dengan sekolah-sekolah lain untuk memberikan pendekatan dan pengalaman yang lebih luas kepada pemain-pemain sekolah. Adalah diharapkan segala aktiviti tersebut akan dapat dilaksanakan mulai bulan Julai nanti.

Bagi mengakhiri laporan ini, saya bagi pihak Kelab Badminton ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Puan Pengetua dan pihak sekolah atas pertolongan yang telah dan akan diberi demi kemajuan kelab ini.

Sekian. Terima kasih.

(Yee Poh Lean)
Setiausaha



Duduk dari kiri barisan pertama:

Choo Mei Ling, Khor Phaik Suan, Tan Heng Bee, En. Koay Swee Beng, Tai Shuk Shin, Loo Shiok Leng, Ong Sze Yin, Tee Bee Hoon.

Berdiri dari kiri barisan kedua:

Goh Yeang Lik, Tan Sheng Hwa, Goay Chin Sion, Abd. Rahman Ah. Arbi, Teh Boon Leng, Cham Keng, Eng Kok Loong, Chiong Yih Liang, Roslan Che Ros, Mok Jit Siang, Tan Sunny, Tai Chee Chow, Foong Aun May, Lee Suan Chuan, Yeoh Keat Siew.

LAPORAN KELAB RENANG

Renang merupakan satu aktiviti bukan sahaja untuk pertandingan malahan yang lebih penting adalah untuk kesihatan dan kekuatan badan. "Swimming is a Gift for Life" – ini bermakna seseorang yang cekap berenang dapat menjaga keselamatan diri dalam masa kecemasan di dalam air, menikmati pelbagai jenis sukan air yang menarik dan membina tubuh badan yang silat dan kuat, berdasarkan sebab-sebab tersebut, pihak sekolah ingin menggalakkan lebih ramai pelajar sekolah ini menyertai aktiviti renang.

Sekolah ini amat bermasib baik kerana mempunyai kolam renangnya sendiri. Tetapi pengawasan kolam bukan satu tugas yang senang. Sistem pengaliran dan penapisan air, kebersihan air dan halaman kolam serta keselamatan pelajar mesti sentiasa dikawal rapi. Oleh yang demikian, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucap ribuan terima kasih kepada En. Megat yang banyak membantu dalam tugas ini. Saya juga ingin memberi penghargaan kepada seorang bekas pelajar En. Cheah Ee Kew, yang sudi membantu menunjuk ajar kepada pelajar-pelajar yang berminat.

Dalam tempoh dua tahun ini, 1993-1994, telah disaksikan beberapa perubahan pada bahagian kolam seperti tanaman pokok hiasan, pembaharuan jubin di keliling kolam, pembinaan stor untuk peralatan dan pemberian pam. Bagaimanapun, banyak lagi yang mesti dilakukan untuk meningkatkan dan memperbaiki keadaan kolam dan halamannya. Sebahagian lantsi di keliling kolam ini telah rosak dan perlu dibaik. Pam dan penapis air perlu ditukar kepada yang baru dan moden supaya air menjadi bersih dan jernih. Kami juga memerlukan perlindungan daripada cahaya panas matahari dan kerusi atau bangku untuk pelajar-pelajar guru dan pengawas. Saya berharap pihak-pihak yang berkenaan akan bertindak secepat mungkin terhadap cadangan-cadangan tersebut.

Pada 21 sehingga 27 Ogos 1994, seramai 12 orang peserta menyertai pertandingan renang dalam Kejohanan Olahraga dan Renang Sukan Orang-Orang Cacat Kebangsaan dan Jemputan ASEAN di Johor Bahru. Ini adalah sukan bertaraf tinggi yang dapat disertai oleh pelajar-pelajar kita di dalam negara. Persediaan untuk penyertaan sukan tersebut bermula pada awal tahun ini (1994) di kolam sekolah dan dua bulan sebelum sukan ini, di kolam Kelab Renang Cina dan Permata Sports Complex. Peserta-peserta kita telah menunjukkan keupayaan mereka untuk bertanding dengan peserta-peserta lain yang lebih matang dan besar

dari negeri-negeri yang lain. Pencapaian kita lebih baik jika dibandingkan dengan pencapaian dua tahun lalu di Kuala Trengganu. Berikut adalah pingat-pingat yang kita menangi:-

Nama Peserta	Acara	Kebangsaan	ASEAN
Tai Shuk Shin	50M Gaya Lentang	Emas	Emas
	100M Gaya Lentang	Emas	Emas
	50M Gaya Bebas	Gangsa	-
	100M Gaya Bebas	Perak	Gangsa
Foong Aun May	50M Gaya Bebas	Perak	Gangsa
	50M Kupu-Kupu	Gangsa	-
	50M Gaya Dada	Gangsa	-
	100M Gaya Dada	Perak	Gangsa
Tai Shuk Shin			
Foong Aun May	4 x 50M Gaya Bebas	Emas	Perak
Loo Shiok Leng	4 x 50M Gaya Campuran	Emas	Perak
Tan Heng Bee			
Abdul Rahman	500M Gaya Lentang	Emas	Emas
	50M Gaya Bebas	Perak	Perak
Tan Sunny	50M Gaya Dada	Emas	Emas
	100M Gaya Dada	Perak	Perak
Cheah Ee Kew	100M Gaya Lentang	Emas	Emas
	50M Gaya Bebas	Emas	Emas
	100M Gaya Bebas	Emas	Emas
	50M Kupu-Kupu	Emas	Perak
	100M Gaya Dada	Emas	Emas
Cheah Ee Kew			
Abdul Rahman	4 x 50M Gaya Bebas	Emas	Emas
Roslan Che Ros			
Cham Keng			
Abdul Rahman			
Cheah Ee Kew	4 x 50 M Gaya Campuran	Emas	Emas
Tan Sunny			
Roslan Che Ros			

Berdasarkan pencapaian yang tercatat di atas, kami sangat-sangat mengharapkan galakan dan sokongan moral daripada pihak sekolah demi mencapai kecemerlangan dan peringkatkan prestasi dua tahun dari sekarang di Sarawak.

Majulah Sukan Untuk Orang-Orang Cacat!

(En. Koay Swee Beng)
Guru Renang



Duduk dari kiri barisan pertama:

Teh Ah Chong, Lee Nyook Loong, Lim Mian Sheng, Mohd Azizi B. Abdullah.

Duduk dari kiri barisan kedua:

Suheila Bt Sulaiman, Norsihah Bt. Baharap, Tai Shuk Shin, Cikgu Pn. Teoh Hong Kew, Hong Chooi Tueng, Anne Foong Aun May, Hazliza Bt. Hasaran.

Berdiri dari kiri barisan ketiga:

Khoo Cheah Loo, Chang Shen Fun, Fatimahyazad Bt. Din, Yanti Bt. Isa, Aishah Bt. Shukor, Samrah Bt. Zainal Abidin, Sarimah Bt. Abu Bakar, Haslina Bt. Mohd. Dali, Halimah Bt. Zakaria, Choo Mei Lin, Lee Ming Bao, Tee Bee Hoon.

KELAB AEROBIKS

Guru Penasihat	:	Pn. Teoh Hong Kew Cik Neoh Beng Ling
Jurulatih	:	Cik Nancy Cheah
Ketua Kelab	:	Hong Chooi Tueng
Jumlah Ahli	:	24
Tempat Latihan	:	Dewan Sekolah
Masa Latihan	:	5.00 – 6.00 petang (setiap hari Jumaat)
Objektif Kelab	:	1. Kecergasan Badan 2. Aktiviti Senaman Yang Kreatif 3. Meningkat Kemahiran Co-Ordinasi Dan Imbang

Kegiatan aerobiks ini dimulakan pada 1993 apabila Cik Nancy secara sukarela mengajar dan melatih pelajar-pelajar dan staf sekolah ini. Pelajar-pelajar lelaki juga digalakkan mengambil bahagian dalam kegiatan ini.

Setelah ahli-ahli menunjukkan perkembangan dalam kemahiran aerobiks, Cik Nancy memperkenalkan 'Step-Aerobics' yang merupakan satu gerakgaya yang bercirikan 'high-impact'.

Segala kemahiran yang diperolehi terbukti berhasil apabila ahli-ahli kelab ini diundang untuk membuat persembahan di beberapa majlis seperti:-

1. Malam Tanjung Bunga di SRJK (C) Poay Wah, Tg. Bunga
2. Hari Ucapan Sekolah (1993).
3. Hari Sukan (1994)
4. Majlis Suaikenal Dengan Badan Belia Jepun (1994)



Jurulatih Cik Nancy Cheah menerima cenderamata dari Pn. Wong, Pengetua SMPK.



Duduk dari kiri barisan pertama:

Choo Mei Lin, Sarumah Binti Abu Bakar, En. Chan Kow Kniah, Suheila Binti Sulaimah, Rajeah Binti Ismail.

Berdiri dari kiri barisan kedua:

Idayu Sofni Binti Wan, Mohd Suid, Abdul Talib Binti Mohd. Nor, Charles Edmund, Firus Bin Abdul Aziz, Tay Chin Peng, Rickmen Mijeh.

LAPORAN KELAB OLAHRAGA

Guru Penasihat	:	En. Chan Kow Kniah Pn. Ong Mun Wah
Pengerusi	:	Abdul Talib B. Mohd Noor
Naib Pengerusi	:	Tay Chin Peng
Setiausaha	:	Khor Teng Hong
Bendahari	:	Choo Mei Lin

25 orang ahli menganggotai kelab ini. Setiap hari Isnin mereka dilatih dalam berbagai aktiviti keolahragaan dari pulak 4 hingga 6 petang.

Pada permulaan semester pertama 1993/1994 sekolah ini telah menyediakan pelajar-pelajar yang berkebolehan untuk menyertai pertandingan MSSPP. Pelajar-pelajar telah telibat dalam beberapa acara di peringkat Zon kelawai. Pencapaian dalam peringkat ini adalah seperti berikut:-

MSSPP – ZON KELWEI

NAMA	TINGKATAN	ACARA	PINGAT
1. Charles Edmund	1M	400m	Perak
		200m	Perak
2. Tay Chin Peng	3A	L. Jauh	Perak
3. Choo Mei Lin	4A	400m	Gangsa
4. Firus B. Abd. Aziz	4B	100m	Perak
		L. Jauh	Gangsa

Kejayaan ini merupakan suatu pengalaman yang amat berfaedah kepada pelajar cacat dan mereka telah berpeluang memasuki pertandingan dalam acara masing-masing di MSSPP.

Kejohanan Sukan Orang Cacat Peringkat kebangsaan kali ke-7 berlangsung di Johor Bahru dari 21 hingga 27 Ogos 1994. Peserta-peserta dan sekolah ini merupakan sebahagian daripada kontingen Negeri Pulau Pinang.

Dalam kejohanan ini, pelajar-pelajar sekolah ini telah berjaya dalam beberapa acara walaupun mereka bertanding dengan orang dewasa. Pencapaian dalam kejohanan ini adalah seperti berikut:-

**KEJOHANAN SUKAN ORANG CACAT PARINGKAT KEBANGSAAN KALI-7
DAN JEMPUTAN ASEAN**

NAMA	ACARA	PINGAT
1. Lee Slow Hua	L. Jauh	Emas
2. Samrah Bt. Zainol Ariffin	L. Pagar	Emas
3. Rickmen Mijeh	L. Pagar 4X100m	Gangsa Perak
4. Roslizi B. Roslan	4X400m	Gangsa
5. Tay Chin Peng	4X100m	Perak
6. Abdul Talib B. Mohd Noor	4X400m 4X100m	Gangsa Perak
7. Charles Edmund	4X400m	Gangsa
8. Firus B. Abd. Azizad	100m 4X100m 4X400m	Gangsa Perak Gangsa
9. Suhari B. Mat Nawi	1,500m	Gangsa
10. Rajeah Bt. Ismail	4X100m 4X400m	Perak Gangsa
11. Choo Mei Ling	4X100m 4X400m	Perak Gangsa
12. Siti Maziah Sheriff	4X100m 4X400m 100m	Perak Gangsa Gangsa
13. Suheila	3km	Perak
14. Sarimah Bt. Abu Bakar	4X100m L. Tinggi	Perak Gangsa
15. Goh Choo Keat	L. Tinggi	Gangsa

Kelab olahraga ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaannya kepada En. Md. Shahar B. Saad dan En. Chan Kow Kniah yang telah bersungguh-sungguh membentuk keazaman dan kemantapan ahli-ahlinya bagi menepuhi cabaran yang akan datang. Khidmat niasihat dan titik peluh mereka amat dihargai.



Temasya Sukan Tahunan SMPK 1994 telah diadakan pada hari Khamis, 12 Mei 1994 jam 2.00 petang bertempat di padang sekolah ini. Temasya tersebut telah dirasmikan oleh YAB Dr. Koh Tsu Koon, Ketua menteri Pulau Pinang merangkap ADUN Tanjung Bungah.

Sebanyak 52 acara dipertandingkan pada temasya tersebut iaitu 25 acara dijalankan beberapa hari lebih awal, manakala 27 acara lagi pada hari tersebut. Acara-acara sukan termasuklah acara padang dan bulatan serta acara yang melibatkan guru-guru dan pegawai sukan.

Di akhir kejohanan pasukan Rumah Merah diisyiharkan sebagai juara rumah-rumah. Manakala Rickmen Mijeh diisyiharkan sebagai Olahragawan dan Idiay Soferi sebagai Olahragawati.

Sekjan.

MOHD. SHAIKH HAMZAH
Pen. Setiausaha Sukan |994

Hari Sukan Sekolah pada 12hb. Mei 1994





KELAB KOMPUTER

LATAR BELAKANG KELAB KOMPUTER

Kelab Komputer Sekolah Menengah Pendidikan Khas ditubuhkan sejak tahun 1987. Pada permulaannya, pelajar-pelajar dan guru-guru yang bermingat diaturkan untuk mengikuti kursus di Cyma College di Jalan Macalister, Pulau Pinang. Seterusnya, pada tahun 1988, Lembaga sekolah telah meluluskan pembelian perkakasan dan pengubahsuaian sebuah bilik untuk dijadikan Makmal Mikrokomputer. Pada permulaannya, kelab ini hanya mempunyai tiga unit komputer IBM PC/XT dan dua unit komputer Macintosh berserta dengan seunit pencetak Epson LX800 dan seunit ImageWriter. Pada awal tahun 1993, Rotary Club mendermakan Kelab ini enam unit komputer jenis serasi IBM 80386DX33, seunit pencetak Panasonic KXP2624, dan seunit pencetak Panasonic KXP1180. Pada tahun ini, Penang Park Royal pula mendermakan dua unit komputer jenama Acer (80486SX33) dan dua unit pencetak NEC1200. Kemudiannya, pada bulan September 1994, Syarikat Third Wave pula mendermakan satu unit komputer jenama AST433 (80486DX33).

OBJEKTIF KELAB KOMPUTER

Objektif Kelab Komputer adalah untuk mendedahkan ahli-ahli kepada teknologi komputer yang canggih dan memberikan peluang kepada semua ahli untuk mempelajari kemahiran berkomputer demi menghadapi cabaran Wawasan 2020.

LAPORAN AKTIVITI TAHUN 1993/94

1. Pada tahun 1993/94, Kelab Komputer mempunyai 52 orang ahli iaitu hampir $\frac{1}{4}$ daripada jumlah bilangan pelajar Sekolah Menengah Pendidikan Khas. Ahli Jawatankuasa adalah seperti berikut:

Penasihat	:	Encik Teh Kean Hoe Encik Michael Choong Eng Hock (Cuti berkursus sejak bulan Julai, 1994) Puan Looi Chooi Fong (Mulai bulan Julai, 1994)
Pengerusi	:	Cheng Yee Heng (T5A)
Naib Pengerusi	:	Chew Kiat It (T5B)
Setiausaha	:	Yee Poh Lean (T4A)
Bendahari	:	Cheah Kean Wee (T5A)
AJK	:	Wu Wai Loon (T5A) Hong Chooi Tueng (T4C) Geh Lih Kher (T3A) Lim Siang Huat (T3A) Sarimah (T2A)

2. Perjumpaan diadakan dua kali setiap minggu iaitu pada petang hari Selasa (4.00–6.00 pm) dan hari Rabu (4.00–6.00 pm). Di samping itu, setiap ahli diperuntukkan satu jam waktu komputer untuk menjalani latihan amali.
3. Guru-guru penasihat telah mengendalikan kursus-kursus untuk semua ahli secara percuma. Kursus-kursus yang telah dijalankan termasuk penggunaan pakaj aplikasi seperti pangkalan data, hamparan elektronik, dan grafik. Ahli-ahli juga didedahkan dengan kemahiran asas pengaturcaraan.
4. Pada bulan May, Ketua Menteri Pulau Pinang, YAB Dr. Koh Tsu Koon telah melawati sekolah kita dan mengunjungi bilik komputer. Ahli Kelab ini, Geh Lih Kher telah menyediakan persembahan dengan komputer untuk menyambut YAB Dr. Koh. Bersempena dengan lawatan tersebut, YAB Dr. Koh menyampaikan seunit komputer baru yang diberi oleh Penang Park Royal kepada Kelab ini.
